



1. Al-Ghaniy:

Bahasa: Tidak memerlukan kepada yang lain

Istilah: Nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah yang Maha Kaya dan tidak memerlukan kepada sesuatu yang lain

Ar-Razak:

Bahasa: Amat banyak memberi rezeki

Istilah: Nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah yang Maha Memberi Rezeki dia yang menjadikan rezeki dan mengurniakan kepada seluruh makhluk

2. Al-Ghaniy:

وَاللَّهُ أَكْبَرُ... وَأَنْشُمُ الْفُقَرَاءُ...

(Surah Muhammad: 38)

Maksudnya: ... Dan Allah juga yang Maha Kaya dan kamulah yang memerlukan (kurniaannya)...

Ar-Razak:

إِنَّ اللَّهَ هُوَ الْرَّزَاقُ دُوْلُ أَنْفُوَةِ الْمَبْيَنِ ﴿٥٨﴾

(Surah adz-Zaariyat: 58)

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah, Dialah sahaja Yang Memberi rezeki (kepada sekalian makhluk-Nya, dan Dialah sahaja) Yang Mempunyai Kekuasaan yang tidak terhingga, lagi Yang Maha Kuat kekuasaan-Nya".

3. Bukti Allah Al-Ghaniy

- (a) Allah SWT menguasai seluruh makhluk di langit dan di bumi
- (b) Semua makhluk sentiasa berhajat kepada Allah
- (c) Allah SWT mencukupkan keperluan makhluk dengan kurniaannya

Bukti Allah Ar-Razak

- (a) Allah memberi rezeki kepada seluruh makhluk
- (b) Allah berkuasa melapangkan dan menyempitkan rezeki hamba-hambanya
- (c) Allah berjanji menambah rezeki kepada hamba yang bersyukur

4. Aktiviti murid

Praktis Masteri 11

Bahagian A

- | | | | | |
|------|------|------|------|------|
| 1. C | 2. C | 3. D | 4. C | 5. C |
| 6. A | 7. C | 8. C | | |

Bahagian C

- 1. (a) (i) Al-Ghaniy
(ii) Ar-Razak
(iii) Ar-Razak
(iv) Al-Ghaniy
- (b) (i) Kaya
(ii) wajib
(iii) rezeki
(iv) batasan
- (c) Nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah yang Maha Kaya dan tidak memerlukan kepada sesuatu yang lain
- (d) Saya akan sentiasa yakin bahawa hanya manusia yang berkehendak kepada-Nya kerana Allah SWT sahaja yang menguasai seluruh makhluk di bumi ini sehingga setiap inci yang berlaku dalam kehidupan manusia ini adalah atas sebab kehendak dari-Nya. Selain itu, saya percaya bahawa segala nikmat yang saya perolehi dalam dunia ini adalah pemberian dari Allah semata-mata. Oleh itu, saya akan sentiasa meyakini bahawa Allah SWT bersifat Al-Ghaniy.
- (e) (i) Allah SWT berkuasa melapangkan dan menyempitkan rezeki semua hamba-Nya
(ii) Amalan sikap pemurah seperti suka memberi infak atau bantuan kepada orang yang memerlukan akan melahirkan individu yang prihatin dan suka membantu. Kesannya, masyarakat akan hidup dalam keadaan yang tenang dan memperoleh kejayaan. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa melazimi amalan infak agar mendapat kecemerlangan di dunia dan akhirat.